

## KENYATAAN MEDIA JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA

---

### “PEMERIKSAAN PEMATUHAN KESELAMATAN PENGENDALI BAS”

**KUALA LUMPUR, 07 Februari 2024** – Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Malaysia dalam usaha untuk memastikan **kelancaran dan kecekapan operasi perkhidmatan pengangkutan awam bagi peningkatan keselamatan, kualiti dan kebolehharian perkhidmatan kepada pengguna sempena musim perayaan Tahun Baru Cina (TBC) dan cuti persekolahan**, akan menjalankan aktiviti pemeriksaan dan pengauditan pengendalian bas di **28 Terminal Bas di seluruh Negara**. Pemeriksaan ini adalah selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 22 dan 23 Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 (Akta 715) dan Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) serta Kaedah-Kaedah di bawahnya.

Tinjauan pemeriksaan dan audit pematuhan pada hari ini turut dihadiri oleh YBhg. Datuk Lokman Jamaan, Pengarah Kanan Penguatkuasa, bersama YBrs. Tuan Mohd Zaki Ismail, Pengarah JPJ Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) serta pegawai-pegawai Bahagian Penguatkuasa JPJ Malaysia dan JPJ WPKL. Pemeriksaan ini dilaksanakan di Terminal Bersepadu Selatan (TBS), Jalan Terminal Selatan, Bandar Tasek Selatan, 57100 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Program dan aktiviti pemeriksaan di terminal yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

| BIL. | BUTIRAN PEMERIKSAAN                                                                                                                                                                                                                                                                                            |
|------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1    | Pemeriksaan status saman syarikat pengendali bas tertunggak                                                                                                                                                                                                                                                    |
| 2    | Pemeriksaan status saman pemandu bas tertunggak                                                                                                                                                                                                                                                                |
| 3    | <b>Pemeriksaan teknikal</b> dan <i>roadworthiness</i> keselamatan kenderaan termasuk: <ul style="list-style-type: none"><li>▪ Brek</li><li>▪ Tayar</li><li>▪ Lampu</li><li>▪ Pembalik Cahaya</li><li>▪ Dokumen Kenderaan &amp; Pemandu</li><li>▪ Peralatan Keselamatan</li><li>▪ Lain-Lain Berkaitan</li></ul> |

|   |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    |
|---|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 4 | <b>Pemeriksaan ke atas pemandu:</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Lesen Memandu</li> <li>▪ Buku Log</li> <li>▪ Pemandu Kedua</li> <li>▪ Lesen Pembawa</li> </ul>                                                                                                                                                                                        |
| 5 | Pemeriksaan & saringan ujian urin dengan kerjasama AADK / Agensi berkaitan (JPJ Negeri mengambil tindakan susulan di bawah Seksyen 36 (1) Akta 333 - jika berkaitan)                                                                                                                                                                                               |
| 6 | <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Jadual pergerakan keluar/masuk terminal &amp; mengambil penumpang mengikut masa perjalanan penumpang ke destinasi</li> <li>▪ Perkhidmatan pelanggan disediakan bagi membantu penumpang mendapatkan perkhidmatan berkualiti</li> <li>▪ Bas dalam keadaan bersih dan barangan penumpang di simpan dengan selamat</li> </ul> |

Sayugia dimaklumkan bahawa, hasil pemeriksaan ke atas **2,801 buah bas di 28 Terminal**, adalah didapati tahap kesediaan operasi dan keselamatan berada dalam keadaan memuaskan dan baik. Walau bagaimanapun, **44 buah bas** telah diambil tindakan di mana, **48 saman JPJ(P)22** atas pelbagai kesalahan (**Tiada CDL/PSV, Kesalahan Tata Kelakuan Pemandu dll**) dan **13 buah bas** dikeluarkan **Notis Larangan Penggunaan Kenderaan (PG1)** di atas pelanggaran peraturan teknikal yang ditetapkan. Larangan pemanduan juga dikeluarkan kepada **4 pemandu bas yang gagal saringan ujian urin daripada 187 pemandu bas yang di buat saringan**.

Dalam konteks untuk meminimumkan kadar kemalangan dan kematian di musim perayaan, khususnya sempena TBC 2024 dan cuti persekolahan ini, JPJ memohon kerjasama orang ramai khususnya pengendali motosikal untuk menggunakan kenderaan perkhidmatan awam seperti bas ekspres yang dilesenkan. Penggunaan kenderaan awam ini bagi perjalanan jarak jauh atau balik kampung, akan dapat membantu mengurangkan kesesakan lalu lintas dan risiko kemalangan khususnya bagi pengendali motosikal.

JPJ memandang serius dan tidak akan berkompromi dengan pihak syarikat, pemilik dan pemandu bas ekspres termasuk mana-mana pengguna jalan raya yang masih tegar melanggar undang-undang dan peraturan yang ditetapkan. Penguatkuasaan dan tindakan tegas akan dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan ekosistem pembudayaan keselamatan jalan raya yang lebih selamat kepada semua pengguna.

Justeru, JPJ dengan matlamat untuk melandai statistik kemalangan dan kematian akibat nahas jalan raya, menyeru dan memohon kerjasama kepada pengguna jalan raya dan orang awam untuk bersama melaksanakan aspirasi **MALAYSIA MADANI** melalui **Perkongsian Tanggungjawab Bersama** dengan mengambil langkah mematuhi undang-undang dan peraturan jalan raya serta bertoleransi bersama pengguna jalan raya yang lain demi keutamaan keselamatan diri dan keluarga ketika di jalan raya serta melaporkan aduan secara terus atau *real time* dengan menggunakan **Aplikasi MyJPJ e-aduan@jppj** atau emel **aduantrafik@jppj.gov.my** beserta dengan butiran lengkap aduan. **“Pandu Cermat, Sampai Selamat”**.

**JABATAN PENGANGKUTAN JALAN  
MALAYSIA  
07 FEBRUARI 2024**

**[TAMAT]**